

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data terperinci pembelajaran online di seluruh negara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan mencakupi peratusan capaian oleh murid, guru, jumlah pelajar terlibat, jumlah pelajar yang terkesan dengan isu kekurangan "hardware" dan masalah mendapatkan talian internet serta apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited untuk memastikan semua murid di seluruh negara tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh PKP. KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian pada 28 Mac hingga 2 April 2020. Kajian ini melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun,

dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti yang bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam akses kepada internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 27 Julai 2020, 66 peratus murid, iaitu 3.1 juta daripada 4.7 juta murid yang mempunyai ID telah *login* dan menggunakan pelantar *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) untuk mengakses sumber pendidikan dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 38.7 peratus berbanding hanya 1.9 juta murid pada 18 Mac 2020. Bagi guru pula, seramai 387,000 (94.1 peratus) orang daripada 411,000 orang guru yang mempunyai ID telah *login* untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 14.2 peratus berbanding seramai 332,000 guru pada 18 Mac 2020.

Secara keseluruhan, KPM menyedari bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan *Home-Based Learning* yang menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian agak terhad berbanding kaedah secara bersemuka. Oleh demikian, antara perkara utama yang dilaksanakan apabila sekolah dibuka semula ialah guru menilai tahap penguasaan murid. Seterusnya, guru mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan murid sekurang-kurangnya mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang diikuti.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning*. Sekian, terima kasih